

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN DAN PENILAIAN



Cetakan Pertama Disember 2004

Cetakan Kedua Januari 2007

Cetakan Ketiga Mac 2012

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian: Sekolah Lestari : Anugerah

Alam Sekitar

ISBN 983-9119-90-7

1. School management and organization--Environment aspects.
- 2.Environmental education.

371.2

Diterbitkan oleh:

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

dengan kerjasama

Kementerian Pelajaran Malaysia

dan

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dicetak oleh:

Gempita Maju Sdn. Bhd,

No. 7-1, Jalan 3/1

Taman Seri Merdeka

68000 Ampang

Selangor

Kandungan

Muka Surat

	KATA ALU-ALUAN	
1.	LATAR BELAKANG	6
2.	KONSEP	7
3.	DEFINISI	8
4.	OBJEKTIF	9
5.	KOMPONEN	10
6.	CIRI-CIRI	11
7.	CARTA ORGANISASI	13
8.	PELAKSANAAN	14
9.	PERMOHONAN	18
10.	PENILAIAN	19
11.	KRITERIA PENILAIAN	20
12.	KAEDAH PEMARKAHAN	21
13.	PENSIJILAN DAN PENGANUGERAHAN	22
14.	JADUAL	23



KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan dan menerbitkan Buku Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar Edisi Ke-3 ini terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Buku Garis Panduan ini diterbitkan sebagai pelengkap kepada Buku Asas Pembentukan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar, bertujuan untuk memberi panduan khusus kepada pihak pengurusan dan warga sekolah dalam melaksanakan program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar di sekolah masing-masing. Kriteria pelaksanaan dan penilaian bagi komponen kurikulum telah dibentuk agar dapat mewujudkan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar yang lebih holistik dalam menitik beratkan unsur-unsur alam sekitar dalam empat komponen iaitu pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Penunjuk Boleh Ukur (PBU) yang terdapat di dalam Garis Panduan ini juga diharap dapat memudahkan proses pelaksanaan dan penilaian agar lebih telus dan sistematik untuk pensijilan dan penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar.

Akhir kata, Jabatan Alam Sekitar berharap Program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar ini akan mencapai objektifnya dalam melahirkan generasi pelapis yang berilmu pengetahuan tinggi dan dalam masa yang sama mempunyai rasa sayang dan tanggungjawab terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

KE ARAH KELESTARIAN NEGARA

HALIMAH BT HASSAN



KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.



ahniah diucapkan kepada Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana telah berjaya menerbitkan buku Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar kali ketiga. Sesungguhnya penerbitan ini membuktikan sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah di negara ini melaksanakan program ini.

Kementerian Pelajaran Malaysia menyokong penuh pelaksanaan program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar ini di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Program ini berupaya meningkatkan kesedaran dan pemahaman warga sekolah tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan memberi peluang kepada mereka untuk mengamal, menghayati, dan membudayakan ciri-ciri mesra alam di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat, masyarakat dan negara.

Penerbitan kali ini turut menjelaskan kriteria pelaksanaan dan penilaian komponen kurikulum. Sesungguhnya panduan ini berupaya membantu memperkemaskan pelaksanaan program ini. Walaupun tidak ada mata pelajaran khusus tentang alam sekitar, namun elemen alam sekitar merentas kurikulum telah diperkenalkan melalui mata pelajaran teras dan elektif di sekolah.

Akhir kata, terima kasih kepada Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga konsep kelestarian yang diketengahkan melalui program ini akan dapat diamal dan dibudayakan di semua sekolah di seluruh Malaysia.

SELAMAT MAJU JAYA


DATO' ABD. GHAFAR BIN MAHMUD

LATAR BELAKANG

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar bertujuan untuk membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan.

KONSEP

A. Interaksi dengan Pelbagai Pihak



KONSEP

B. Payung kepada Aktiviti Alam Sekitar



DEFINISI

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

Pendidikan Alam Sekitar ialah pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana alam sekitar diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi. Proses ini melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar.

OBJEKTIF



Memupuk nilai murni alam sekitar pada kalangan warga sekolah



Meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar



Menggalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan



Meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar




Mewujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari

KOMPONEN



CIRI-CIRI

- Mewujudkan visi dan misi pendidikan alam sekitar berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- Menjadikan pendidikan alam sekitar sebahagian daripada perancangan kurikulum dan ko kurikulum tahunan sekolah
- Menubuhkan Jawatankuasa Sekolah Lestari yang terdiri daripada pentadbir, ahli PIBG, guru, kakitangan sokongan dan wakil pelajar
- Mewujudkan kerjasama di antara pihak sekolah dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Pelajaran Malaysia dan lain-lain agensi untuk pelaksanaan program-program pendidikan alam sekitar
- Mewujudkan dan memantapkan koleksi bahan bacaan, rujukan dan multimedia alam sekitar di pusat sumber sekolah



- Menyediakan sudut maklumat alam sekitar di bilik darjah dan kawasan tertentu sekolah
- Menyebarkan mesej alam sekitar dalam perhimpunan
- Memberikan pendedahan mengenai nilai-nilai alam sekitar kepada ahli PIBG dan memperuntukan kewangan yang mencukupi dari tabung PIBG untuk membiayai program pendidikan alam sekitar
- Menganjurkan bengkel, ceramah dan kursus alam sekitar kepada warga sekolah
- Menganjurkan dan melaksanakan kempen kesedaran pendidikan alam sekitar
- Mengadakan dan mengimplementasikan peraturan sekolah yang berkaitan dengan alam sekitar
- Memastikan pihak pengusaha kantin melaksanakan amalan mesra alam dan menguruskan pelupusan bahan buangan secara terancang
- Merancang, mengurus dan memantau pelupusan sisa buangan berbahaya/toksik seperti sisa-sisa makmal/bengkel/Ekonomi Rumah Tangga (ERT)/Kemahiran Hidup (KH) secara selamat melalui peraturan yang ditetapkan
- Menyediakan laporan panitia untuk memastikan guru panitia melaksanakan pendidikan alam sekitar merentasi kurikulum.
- Memberikan pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang menyumbang dan terlibat secara aktif dalam melaksanakan program pendidikan alam sekitar
- Merancang aktiviti penyebaran maklumat kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar

CIRI-CIRI



Kurikulum

- Menerapkan nilai-nilai pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran (P & P)
- Melaksanakan modul rancangan pengajaran dan pembelajaran alam sekitar merentas kurikulum
- Menganjurkan program/bengkel/seminar untuk mendedahkan pendidikan alam sekitar kepada guru



Kokurikulum

- Melaksanakan aktiviti pendidikan alam sekitar dalam perancangan tahunan untuk unit berpakaian seragam/kelab/persatuan
- Menganjurkan Kempen Kesedaran Alam Sekitar
- Menganjurkan permainan atau sukan bertemakan alam sekitar seperti Larian Hijau, *Enviro-Hunt*, *Enviro-Walk*, *Enviro-Bike* dan lain-lain
- Mengadakan Program Kitar Semula




Penghijauan

- Program sekolah dalam taman/lanskap
- Program penanaman menggunakan baja organik
- Program satu pelajar satu pokok
- Program penanaman, pemeliharaan dan pemuliharaan pokok-pokok dari spesies yang sesuai
- Penandaan nama saintifik dan tempatan pada pokok
- Projek membuat baja kompos
- Penubuhan stesen pembelajaran
- Penyelenggaraan kawasan padang

Nota : Ciri-ciri di atas adalah sebagai panduan sahaja dan boleh dipinda / diperbaiki mengikut kesesuaian

CARTA ORGANISASI


JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN



JAS - Jabatan Alam Sekitar
KPM - Kementerian Pelajaran Malaysia


PELAKSANAAN

CARTA ALIR PELAKSANAAN PERINGKAT SEKOLAH



PELAKSANAAN


CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PERINGKAT SEKOLAH



PELAKSANAAN

ALIRAN PROSES PELAKSANAAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

PERINGKAT



Nota : Tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan oleh Sekretariat JAS
JAS : Jabatan Alam Sekitar

FAKTOR KEJAYAAN



PERMOHONAN

**Permohonan hendaklah
menggunakan Borang ASL-1
untuk penyertaan rasmi Pensijilan/
Penganugerahan Sekolah Lestari
Anugerah Alam Sekitar**

**Syarat penyertaan tertera di dalam
borang tersebut**

PENILAIAN

PERINGKAT NEGERI

**Dilaksanakan oleh Panel Penilai
yang dilantik oleh Jawatankuasa
Penyelaras Peringkat Negeri**

PERINGKAT KEBANGSAAN

**Dilaksanakan oleh Panel Penilai
dan Pemilih yang dilantik oleh
Jawatankuasa Penyelaras Peringkat
Kebangsaan**

KRITERIA PENILAIAN

KRITERIA PENILAIAN

- **Pengurusan**
- **Kurikulum**
- **Kokurikulum**
- **Penghijauan**

(Rujuk Jadual 1 mukasurat 23 hingga 26)

KAEDAH PEMARKAHAN

Setiap Penunjuk Boleh Ukur (PBU) akan diberikan nilai Faktor Pemberat.

Pensijilan dan Penganugerahan ditentukan berdasarkan markah keseluruhan yang diperolehi berdasarkan penilaian dokumen dan lawatan ke sekolah.

(Rujuk Jadual 2 mukasurat 27 hingga 32)

PENSIJILAN DAN PENGANUGERAHAN

Dua kategori iaitu:

- Sekolah Rendah
- Sekolah Menengah

PENSIJILAN PERINGKAT NEGERI

Sekolah yang layak akan diberikan sijil.

PENGANUGERAHAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Pemberian Anugerah Sekolah Lestari kepada sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah.

JADUAL 1 : KOMPONEN DAN PENUNJUK BOLEH UKUR UNTUK PENILAIAN SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR
	(Rujuk juga Jadual 1 dalam Buku Garispanduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar)
PERANCANGAN DAN PENGURUSAN	<ul style="list-style-type: none"> • Kenyataan iltizam Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS): <ul style="list-style-type: none"> o Visi & Misi o Objektif o Strategi o Pelan Tindakan o Pemantauan
	<ul style="list-style-type: none"> • Menggembelengkan visi dan misi sekolah dan sekolah lestari
	<ul style="list-style-type: none"> • Organisasi Pelaksanaan SLAAS <ul style="list-style-type: none"> o Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Sekolah yang ahlinya terdiri daripada pentadbir, ahli PIBG, guru penyelaras/guru penasihat, staf sokongan dan wakil pelajar o Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun o Mempunyai minit mesyuarat
	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif Pelaksanaan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar <ul style="list-style-type: none"> o Melibatkan setiap lapisan warga sekolah o Menimbulkan kesedaran, perubahan sikap dan amalan o Menjimatkan penggunaan sumber o Mempertingkatkan kualiti persekitaran sekolah o Menggalakkan aktiviti mesra masyarakat setempat
	<ul style="list-style-type: none"> • Strategi dan Pelan Tindakan Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none"> o Perancangan Program dan aktiviti <ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran program kefahaman dan kesedaran - Menyebarkan mesej alam sekitar dalam perhimpunan, dokumentasi, poster - Kempen berkaitan atau bertemakan alam sekitar - Mengadakan dan mengimplementasikan peraturan sekolah yang berkaitan dengan alam sekitar - Memberi pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang menyumbang dan terlibat secara aktif dalam melaksanakan program pendidikan alam sekitar

Jadual 1 (sambungan)

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR
	<ul style="list-style-type: none"> o Penyediaan Prasarana Pengajaran dan Pembelajaran <ul style="list-style-type: none"> - Ruang prasarana pengajaran dalam bilik darjah - Ruang prasarana pengajaran luar bilik darjah - Kantin - Taman herba - Tandas - Tempat buang sampah - Sistem pembangunan maklumat alam sekitar
	<ul style="list-style-type: none"> o Bajet Program Sekolah Lestari <ul style="list-style-type: none"> - Sumber dan penjanaan kewangan - Penyediaan perancangan belanjawan - Pelaporan kewangan
	<ul style="list-style-type: none"> o Pembentukan Jaringan Bersama Pihak Berkepentingan <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkepentingan di luar sekolah untuk melaksanakan program SLAAS - Merancang aktiviti bersama masyarakat setempat untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar - Pelaksanaan aktiviti jaringan - Pelaporan aktiviti jaringan
	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pemantauan <ul style="list-style-type: none"> o Mempunyai kaedah tersendiri untuk memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan o Membangunkan sistem audit dalaman o Pendekatan dan langkah memastikan kelestarian program o Tanda aras (<i>benchmark</i>) dengan sekolah lain yang berjaya (dalam atau luar negara)
	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pelaporan <ul style="list-style-type: none"> o Menyediakan laporan kemajuan program dan aktiviti yang disahkan pengetua sekolah o Memajukan laporan kepada Sekretariat Kebangsaan o Kreativiti persembahan laporan

Jadual 1 (sambungan)

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR
	<ul style="list-style-type: none"> • Elemen Khas Pengurusan <ul style="list-style-type: none"> o Jaringan luar negara o Panel penasihat luar o Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) o Masyarakat setempat o Organisasi Masyarakat Setempat (CBO) o Badan bukan kerajaan (NGO) o Industri / syarikat swasta o Mempromosikan dan membudayakan kehidupan lestari
PENGHIJAUAN	<ul style="list-style-type: none"> • Strategi dan Pelan Tindakan Penghijauan <ul style="list-style-type: none"> o Strategi o Pelan Tindakan o Pelaksanaan o Hasil dijangka
	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pengurusan Taman <ul style="list-style-type: none"> o Sumber manusia o Pelan pengurusan o Jadual bertugas o Tatacara pengurusan o Pemantauan kesihatan habitat taman
	<ul style="list-style-type: none"> • Rekabentuk Taman
	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan lanskap taman
	<ul style="list-style-type: none"> • Kebersihan taman
	<ul style="list-style-type: none"> • Susun atur taman
	<ul style="list-style-type: none"> • Proses Implementasi Penghijauan seperti: <ul style="list-style-type: none"> o Program penanaman menggunakan baja organik o Program satu pelajar satu pokok o Program penanaman, pemeliharaan dan pemuliharaan pokok-pokok dari spesies yang sesuai o Melabelkan nama-nama saintifik dan tempatan pokok o Projek membuat baja kompos o Penubuhan Stesen Pembelajaran o Penyelenggaraan Kawasan

Jadual 1 (sambungan)

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR
	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan sumber ke arah meningkatkan kecekapan dan penjimatan penggunaan <ul style="list-style-type: none"> o Air o Tenaga elektrik o Bahan pakai habis seperti kertas dan katrij pencetak o Sisa pepejal dari pejabat, bilik darjah, kantin, makmal dan bengkel
	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantapan sikap guru, pelajar dan kakitangan sekolah terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan produk dan teknologi hijau seperti <ul style="list-style-type: none"> o Sistem pengumpulan air hujan o Alat tenaga solar o Baja organik
KOKURIKULUM	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti dan Projek Penghijauan oleh kelab dan persatuan. <ul style="list-style-type: none"> o Amalan 3K (kesihatan, keceriaan dan keselamatan)
	<ul style="list-style-type: none"> • Projek kesedaran <ul style="list-style-type: none"> o Gotong Royong o Bantuan Masyarakat o Seminar o Ceramah o Debat o Kuiz o Pidato o Mencipta lagu o Lukisan o Teater o Pameran o Program Taman Angkat o Program Kitar Semula <ul style="list-style-type: none"> - Minggu Baik-pulih - Hari Kitar Semula o Menganjurkan permainan atau sukan bertemakan alam sekitar seperti Larian Hijau, <i>Enviro-Hunt</i>, <i>Enviro-Walk</i>, <i>Enviro-Bike</i> dan lain-lain
	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan kelab dan persatuan dalam aktiviti dan projek

Jadual 1 (sambungan)

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR
	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Sebaran maklumat <ul style="list-style-type: none"> o Sudut maklumat o Bahan rujukan dan multimedia o Tapak/Laman web
	<ul style="list-style-type: none"> • Jaringan <ul style="list-style-type: none"> o Antara kelab dan persatuan sekolah o Antara sekolah-sekolah o Antara sekolah dan masyarakat setempat o Luar negara
	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Keupayaan <ul style="list-style-type: none"> o Kelab berkaitan alam sekitar o Lawatan sambil belajar o Perkhemahan/ekspedisi/kembara ke tempat yang bercirikan alam semulajadi o Ceramah/bengkel/seminar/latihan kepada pelajar, guru dan kakitangan o Penyertaan pertandingan
	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem pelaporan <ul style="list-style-type: none"> o Borang laporan o Papan makluman o Laporan tahunan dalam bentuk samada <ul style="list-style-type: none"> - Kertas - Laman web - Multimedia
KURIKULUM	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan merentasi bidang <ul style="list-style-type: none"> o Subjek teras dan subjek lain
	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti alam sekitar digunakan dalam aktiviti P&P
	<ul style="list-style-type: none"> • Proses implementasi kurikulum <ul style="list-style-type: none"> o Penggunaan Modul Alam Sekitar Merentas Kurikulum o Hasil pelajar (output) seperti : <ul style="list-style-type: none"> - Esei - Puisi/Pantun - <i>Choral Speaking</i> - Debat/Pidato/Syarahan - Folio - Poster

Jadual 1 (sambungan)

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR
	<ul style="list-style-type: none"> o Hasil (<i>outcome</i>) o Melalui soal selidik/temubual o Terjemahan kurikulum dalam bentuk grafik di kawasan sekolah <ul style="list-style-type: none"> - Mural - Nota pelajaran o Penggunaan prasarana Pengajaran dan Pembelajaran <ul style="list-style-type: none"> - Ruang prasarana dan pengajaran dalam bilik darjah - Keberkesanan penggunaan bahan kitar semula dalam proses P&P o Penubuhan stesen pembelajaran
KEJAYAAN DAN PENGIKTIRAFAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pengiktirafan dan kejayaan sekolah dalam pelbagai bidang berkaitan alam sekitar <ul style="list-style-type: none"> o Peringkat daerah o Peringkat negeri o Peringkat kebangsaan o Peringkat antarabangsa
ELEMEN KHAS	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan markah bonus diberikan kepada kreativiti, keunikan dan komitmen sekolah dalam bidang alam sekitar

Nota: Sekolah Rendah dan Menengah yang layak akan diberikan sijil dan anugerah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

JADUAL 2

Jadual 2: Pemarkahan untuk Penilaian Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR	MARKAH MAKSIMUM	NILAI PBU DIBERI*										Jumlah Markah* (a) a = (Nilai PBU diberi X Markah Maksimum / 10)						
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10							
Perancangan dan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> • Kenyataan Iltizam Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar: 	10						✓										$\frac{6 \times 10}{10} = 6$	
	<ul style="list-style-type: none"> • Organisasi Pelaksanaan Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar: 	10										✓						$\frac{8 \times 10}{10} = 8$	
	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar 	10											✓					$\frac{8 \times 10}{10} = 8$	
	<ul style="list-style-type: none"> • Strategi dan Pelan Tindakan Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none"> ○ Perancangan Program dan Aktiviti ○ Prasarana Pengajaran dan Pembelajaran ○ Bajet Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar ○ Pembentukan Jaringan Bersama Pihak Berkepentingan 	10															✓	$\frac{6 \times 10}{10} = 6$	
	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pemantauan • Sistem Pelaporan • Elemen Khas Pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Jaringan luar negara • Panel penasihat luar 	10															✓	$\frac{7 \times 10}{10} = 7$	
	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pelaporan 	10															✓	$\frac{5 \times 10}{10} = 5$	
	<ul style="list-style-type: none"> • Elemen Khas Pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Jaringan luar negara • Panel penasihat luar 	10																✓	$\frac{9 \times 10}{10} = 9$
	Jumlah Keseluruhan	<ul style="list-style-type: none"> • Markah untuk kriteria ini membawa jumlah terkumpul sebanyak 100 markah daripada keseluruhan markah 	100																69

JADUAL 2

Jadual 2: (sambungan)

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR	MARKAH MAKSIMUM	NILAI PBU DIBERI*										JUMLAH MARKAH* (a) a = (Nilai PBU diberi X Markah Maksimum / 10)				
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10					
PENGHIJAUAN	<ul style="list-style-type: none"> Strategi dan Pelan Tindakan Penghijauan 	10						✓									$\frac{6 \times 10}{10} = 6$
	<ul style="list-style-type: none"> Sistem Pengurusan Taman 	10									✓						$\frac{8 \times 10}{10} = 8$
	<ul style="list-style-type: none"> Rekabentuk Taman 	10										✓					$\frac{7 \times 10}{10} = 7$
	<ul style="list-style-type: none"> Proses Implementasi Penghijauan 	30											✓				$\frac{9 \times 30}{10} = 27$
	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan Sumber ke arah Meningkatkan Kecekapan dan Penjimatan Penggunaan Sumber. 	20												✓			$\frac{8 \times 20}{10} = 16$
	<ul style="list-style-type: none"> Pemantapan Sikap Guru, Pelajar dan Kakitangan Sekolah Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar. 	10													✓		$\frac{8 \times 10}{10} = 8$
	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan Produk dan Teknologi Hijau 	10														✓	$\frac{7 \times 10}{10} = 7$
JUMLAH KESELURUHAN	<ul style="list-style-type: none"> Markah untuk kriteria ini membawa jumlah terkumpul sebanyak 100 markah daripada keseluruhan markah 	100											79				

JADUAL 2

Jadual 2: (sambungan)


KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR	MARKAH MAKSIMUM	NILAI PBU DIBERI*										JUMLAH MARKAH* (a) a = (Nilai PBU diberi X Markah Maksimum / 10)				
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10					
KOKURIKULUM	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti dan Projek Penghijauan oleh kelab dan persatuan 	10						✓									$\frac{6 \times 10}{10} = 6$
	<ul style="list-style-type: none"> Projek kesedaran 	30									✓						$\frac{8 \times 30}{10} = 24$
	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Maklumat 	10					✓										$\frac{5 \times 10}{10} = 5$
	<ul style="list-style-type: none"> Jaringan 	10									✓						$\frac{7 \times 10}{10} = 7$
	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Keupayaan 	30												✓			$\frac{9 \times 30}{10} = 27$
	<ul style="list-style-type: none"> Sistem Pelaporan 	10					✓										$\frac{5 \times 10}{10} = 5$
	JUMLAH KESELURUHAN	<ul style="list-style-type: none"> Markah untuk kriteria ini membawa jumlah terkumpul sebanyak 100 markah daripada keseluruhan markah 	100											74			
KURIKULUM	<ul style="list-style-type: none"> Pendidikan Merentasi Bidang 	10									✓						$\frac{7 \times 10}{10} = 7$
	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti Alam Sekitar Digunakan dalam Aktiviti P & P 	10												✓			$\frac{9 \times 10}{10} = 9$
	<ul style="list-style-type: none"> Proses Implementasi Kurikulum 	30												✓			$\frac{8 \times 30}{10} = 24$
JUMLAH KESELURUHAN	<ul style="list-style-type: none"> Markah untuk kriteria ini membawa jumlah terkumpul sebanyak 50 markah daripada keseluruhan markah 	50											40				

JADUAL 2

Jadual 2: (sambungan)

KRITERIA	PENUNJUK BOLEH UKUR SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR	MARKAH MAKSIMUM	NILAI PBU DIBERI*										JUMLAH MARKAH* (a) a = (Nilai PBU diberi X Markah Maksimum / 10)				
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10					
KEJAYAAN DAN PENGIKTIRAFAN	<ul style="list-style-type: none"> Pengiktirafan dan kejayaan sekolah dalam pelbagai bidang berkaitan alam sekitar 	20									✓						$\frac{7 \times 20}{10} = 14$
JUMLAH KESELURUHAN	<ul style="list-style-type: none"> Markah untuk kriteria ini membawa jumlah terkumpul sebanyak 20 markah daripada keseluruhan markah 	20											14				
ELEMEN KHAS	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan markah bonus diberikan kepada kreativiti, keunikan dan komitmen sekolah 	10											✓				$\frac{8 \times 10}{10} = 8$
JUMLAH KESELURUHAN	<ul style="list-style-type: none"> Markah untuk kriteria ini membawa jumlah terkumpul sebanyak 10 markah daripada keseluruhan markah 	10											8				
JUMLAH TERKUMPUL MAKSIMUM	<ul style="list-style-type: none"> Markah terkumpul maksima adalah jumlah keseluruhan markah yang diperolehi bagi setiap kriteria iaitu $X = \sum y_n = 380$ 	380											284				

Nota : Catatan markah diberi adalah contoh panduan sahaja



**BORANG PENYERTAAN RASMI
PENSIJILAN/PENGANUGERAHAN
SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

SESI TAHUN PENILAIAN : _____/_____

BAHAGIAN 1 : BUTIRAN SEKOLAH

1. Nama Sekolah : _____
2. Alamat : _____

3. E-mel : _____
4. Laman Web: : _____
5. No. Telefon : _____ 6. No. Faks : _____
7. Bil. Pelajar : _____ 8. Bil. Guru : _____
9. Bil Staf Sokongan : _____
10. Gred Sekolah : _____
11. Keluasan Sekolah : _____(ekar/ hektar)
12. Kategori sekolah : Bandar / Luar Bandar / Pedalaman
13. Pengiktirafan berkaitan alam sekitar yang pernah diterima oleh sekolah dalam tempoh 2 tahun terkini:
(Gunakan Lampiran sekiranya perlu)
 - i) _____
 - ii) _____
 - iii) _____
 - iv) _____
 - v) _____

14. Guru/ Pegawai yang boleh dihubungi :

Nama : _____
No. Tel : _____
No. HP : _____
No. Faks : _____
Jawatan : _____

BAHAGIAN 2: LAPORAN UNTUK PENILAIAN

Penilaian awal dibuat berdasarkan dokumen yang diserahkan kepada sekretariat. Pihak sekolah perlu mengemukakan **laporan dan bukti bergambar** berkaitan pelaksanaan dan iltizam mengikut kriteria yang telah ditetapkan di dalam **Jadual 1** buku **Asas Pembentukan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar** dan **Garis Panduan Pelaksanaan**.

1. Pengenalan
2. Komponen Pengurusan
3. Komponen Penghijauan
4. Komponen Kurikulum
5. Komponen Kokurikulum
6. Hal-hal lain

BAHAGIAN 3: AKUAN PENGESAHAN

Kami mengesahkan untuk mengambil bahagian dalam pensijilan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar dan bersedia menerima lawatan panel penilai pada waktu yang sesuai.

Pemohon :

(Ahli Jawatankuasa Peringkat Sekolah)




(Cop Sekolah)

Tarikh: _____

Pengesahan:

(Pengetua/ Guru Besar Sekolah)



(Cop Pengetua/Guru Besar Sekolah)

Tarikh: _____

Dokumen penyertaan hendaklah dihantar kepada :

Sekretariat
Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar Negeri
(Rujuk alamat Jabatan Alam Sekitar Negeri di Lampiran 1)

SYARAT PENYERTAAN:

1. Terbuka kepada semua Sekolah Rendah dan Menengah di seluruh Malaysia.
2. Setiap penyertaan hendaklah disediakan dengan menggunakan borang **ASL -1** yang disediakan di dalam Garispanduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar. Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap, jelas dan terang. Sebarang kertas tambahan atau pindaan (sekiranya ada) perlu ditandatangani ringkas.
3. Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan laporan secara bertulis tidak melebihi 50 mukasurat (termasuk gambar) dalam bentuk cakera lembut (*softcopy*). Penggunaan Rajah dan Jadual adalah digalakkan. Pihak Urusetia berhak meminta sebarang dokumen/maklumat tambahan sekiranya perlu.

Font	: Times New Roman
Saiz	: 12
Langkau	: 1.5
4. Semua maklumat yang dikemukakan hendaklah benar dan sekiranya didapati mengemukakan maklumat palsu, penyertaan akan dibatalkan.
5. Jika borang yang dihantar melalui pos, pemohon hendaklah memastikan supaya borang tersebut sampai pada tarikh, waktu dan tempat yang telah ditetapkan. Sekretariat tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan borang semasa proses penghantaran.
6. Sekretariat tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta dalam penyediaan dan penyerahan permohonan ini, termasuk sebarang kerosakan atau kehilangan keseluruhan atau sebahagiannya tanpa mengambilkira sama ada hasil permohonan ini berjaya atau sebaliknya.
7. Penyertaan yang berjaya untuk dinilai pada mana-mana peringkat akan diberitahu secara bertulis.
8. Pihak pengurusan sekolah mestilah membenarkan panel penilai yang dilantik dan diberi kebenaran bertulis oleh sekretariat untuk masuk bagi maksud penilaian.
9. Segala bahan yang dikemukakan di dalam permohonan ini adalah menjadi hak milik sekretariat.
10. Sekretariat berhak untuk meminda atau membatalkan mana-mana syarat yang terkandung dalam garispanduan ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis lanjut.
11. Keengganan mematuhi syarat-syarat di atas akan menyebabkan permohonan ditolak.
12. Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.



**BORANG PENILAIAN PENSIJILAN/PENGANUGERAHAN
SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

SESI TAHUN PENILAIAN : _____ / _____

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT SEKOLAH

1. Nama Sekolah : _____
2. Alamat : _____

3. No. Telefon : _____ 4. No. Faks : _____

BAHAGIAN 2: MARKAH PENILAIAN

KOMPONEN	MARKAH
Perancangan dan Pengurusan	
Penghijauan	
Kurikulum	
Kokurikulum	
Kejayaan dan Pengiktirafan	
Elemen Khas	
JUMLAH MARKAH	

BAHAGIAN 3: ULASAN DAN PERAKUAN

ULASAN BERSAMA:

PERAKUAN:

	NAMA	TANDATANGAN
PENILAI 1		
PENILAI 2		
PENILAI 3		

TARIKH: _____

**AHLI JAWATANKUASA PEMANDU
SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR**

Pengerusi Bersama:

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Alam Sekitar

Dan

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

Sekretariat:

Bahagian Komunikasi Strategik
Jabatan Alam Sekitar

Ahli:

Pengarah
Bahagian Kokurikulum & Kesenian
Kementerian Pelajaran Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Pengarah
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

Pengarah
Pusat Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia

Pengarah Urusan
Kualiti Alam Sdn. Bhd.

Pengarah Urusan
UMW Toyota Malaysia Sdn. Bhd.

Pengarah Urusan
Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd.

Pengurus Besar
Alam Flora Sdn. Bhd.

Pengarah Eksekutif
World Wide Fund For Nature Malaysia

AHLI JAWATANKUASA PEMANDU

Pengarah Urusan
Malaysian Environmental Non-Government Organisations Support Unit
(MENGO Support Unit)

Pengarah Urusan
TETRA PAK (M) Sdn. Bhd.

Pengarah Eksekutif
Malaysian Plastic Manufacturer Association

Ketua Editor
Unit Perkhidmatan Pendidikan
Jabatan Pengedaran NSTP (M) Bhd

Pengurus Besar
Unit Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar
PETRONAS

Pengarah Perhubungan Awam
BP Malaysia Sdn. Bhd.

**AHLI JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN
BUKU GARIS PANDUAN DAN PENILAIAN
SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR (EDISI 1 & 2)**

Pengerusi:

Prof. Dr. Mazlin Bin Mokhtar
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahli-Ahli:

Encik Patrick Tan Hock Chuan
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia

Encik Rosli Osman
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia

Puan Norliza Mohd Jannes
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia

Dr. Kartini bt. Baharun
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

Encik Cyril Christopher Singham
Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia

Puan Rohani Abd. Samad.
Bahagian Sekolah
Kementerian Pelajaran Malaysia

Cik Aizatul Adzwa Mohd Basri
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia

Puan Hajah Salmah Sheikh Brix
Maktab Perguruan Teknik
Cheras, Kuala Lumpur

Encik Thiagarajan Nadeson
World Wide Fund for Nature Malaysia (WWF)
Kuala Lumpur

Puan Sarah Aziz Abdul Ghani
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Shahrudin Idrus
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Ahmad Fariz Hj. Mohamed
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Hafizan Hj. Juahir
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

**AHLI JAWATANKUASA KERJA PENYEDIAAN
BUKU GARIS PANDUAN DAN PENILAIAN
SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR (EDISI 3)**

Pengerusi:

Puan Choong Mei Chun
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Pengerusi Bersama:

Y. Bhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Samad Hadi
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahli-Ahli:

Puan Hajah Normadiah Haji Husien
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Cik Kamariah Abdullah Khairi
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Puan Siti Nor Azura Md. Saad
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Encik Norazizi Adinan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Encik Jikula Mongijal
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Puan Noorzalina Zainal Abidin
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pelajaran Malaysia

Puan Faridah Baharin
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pelajaran Malaysia

Puan Siti Bahijah Bakhtiar
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia

Encik Hashimi Ismail
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia

Encik Cyril Christopher Singham
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia

Profesor Madya Dr. Ahmad Fariz Mohamed
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA KERJA

Encik Shahrudin Idrus
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Puan Siti Nashroh Shaari
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Kalithasan s/o Kailasam
Global Environment Centre (GEC)

Encik Thiagarajah Nadeson
World Wide Fund For Nature Malaysia

Cik Nor Shidawati Abd Rasid
World Wide Fund For Nature Malaysia

Puan Haslina Mansor
Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA)

Y. Bhg. Dato' Dr. Hashim Bin Abdul Wahab
Panel Penilai Kebangsaan SLAAS

Puan Hajah Rohani Abd Samad
Panel Penilai Kebangsaan SLAAS

SENARAI ALAMAT JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI

IBU PEJABAT

Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 1 - 4, Podium 2 & 3,
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya, Malaysia.
Tel : 03-88712000
Faks : 03-88891975

PEJABAT NEGERI

Kedah
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Aras 2, Menara Zakat
Jalan Telok Wanjah
05200 Alor Setar
Kedah
Tel : 04-7332832 / 04-7335633
Faks : 04-7337530

Melaka
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Aras 19, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, MITC,
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka
Tel : 06-2345720
Faks : 06-2345721

Negeri Sembilan
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 5, Arab Malaysian Business Centre,
Jalan Pasar
70200 Seremban
Negeri Sembilan
Tel : 06 - 7649017, 7649018
Faks : 06 - 7649019

Johor
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 1 & 2 Bangunan Hasil
Jalan Padi Emas 1, Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru
Johor
Tel : 07-2356042
Faks : 07-2356071

Pahang
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 4-6,
Bangunan Tokio Marine Life
Jalan Telok Sisek
25662 Kuantan
Pahang
Tel : 09-5165211
Faks : 09-5162075 / 2072

WP Kuala Lumpur
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 1-2, Wisma SCA
No. 3, Jalan Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur
W.P. Kuala Lumpur
Tel : 03-92215543
Faks : 03-92216437

Perak
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 4, Bangunan Seri Kinta
Jalan Sultan Idris Shah
30000 Ipoh
Perak
Tel : 05-2542744 / 2538472
Faks : 05-2558595

Terengganu
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Wisma Alam Sekitar
Off Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel : 09-6261044
Faks : 09-6227877/6226877

Selangor
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 12 - 14, Wisma Sunwaymas
Jalan Tengku Ampuan
Zabedah C9/C, Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor
Tel : 03 55214000 / 55214005
Faks : 03 55194788

Kelantan
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Lot 322 -324, Seksyen 27
Jalan Sri Cemerlang
15300 Kota Bharu
Kelantan
Tel : 09-7414888
Faks : 09- 7479014

Perlis
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 2, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan
Tel : 04-9793100 / 102
Faks : 04-9772822

Pulau Pinang
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Aras Bawah - Zon B
Wisma Persekutuan
Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
Tel : 04-5751911
Faks : 04-5751455

Sabah
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Aras 4, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Perseku-
tuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman, Likas
88450 Kota Kinabalu
Sabah
Tel : 088-488172 / 488169 /
Faks : 088-488177

Sarawak
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 7 - 9, Wisma STA,
No.26 Jalan Datuk Abg Abdul Rahim
93450 Kuching
Sarawak
Tel : 082-482535 / 339535
Faks : 082-480863

WP Labuan
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tingkat 4, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
87007 Labuan
W.P. Labuan
Tel : 087-408772
Faks : 087-408774

Penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menerbitkan dokumen ini.